



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERLIS

SIRI 3



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERLIS

SIRI 3



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS Pengurusan Perolehan
18	MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS Pengurusan Harta Wakaf
31	PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS Bakau Jaya Development Sdn. Bhd.
47	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan *AG's Dashboard* yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan dan 2 Agensi termasuk sebuah Syarikat Kerajaan Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 6 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2014 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

6 Oktober 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS - Pengurusan Perolehan

1.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (SUK) bertanggungjawab menentukan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri berjalan lancar, berkualiti dan produktif. Bagi mencapai objektif ini, SUK melaksanakan perolehan meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut empat (4) kaedah iaitu secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus berpandukan kepada peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Ia termasuklah perolehan perkhidmatan Juru Perunding dan kontrak berkaitan *Information Communication Technology* (ICT). Perolehan yang dibuat berteraskan aspek akauntabiliti awam, integriti, ekonomi, cekap dan berkesan serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Kajian pasaran dibuat bagi memperoleh *best value for money*.

1.2. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, SUK telah melaksanakan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM68.07 juta. Bagi tempoh tersebut, 35 perolehan berjumlah RM4.64 juta dibuat secara sebut harga, 6 perolehan berjumlah RM0.34 juta dibuat secara rundingan terus dan 10,152 perolehan berjumlah RM63.09 juta dibuat secara pembelian terus.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Peti Tawaran Sebut Harga tidak dibuka dengan segera;
- Dokumen sokongan proses Sebut Harga dan Rundingan Terus tidak disediakan dengan lengkap;
- Inden Kerja tidak diisi dengan lengkap;
- Perolehan bekalan dibuat secara pecah kecil;
- Bukti pengagihan perolehan tidak disertakan bersama Baucar Bayaran;
- Aset tidak dilabelkan; dan
- Kerja kurang memuaskan/tidak mengikut spesifikasi.

1.4. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi wang awam yang dibelanjakan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

1.4.1. Pemantauan perlu dilakukan semasa kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor supaya kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

1.4.2. Senarai Kuantiti (BQ) yang baharu hendaklah disediakan sekiranya terdapat perubahan dalam skop kerja asal perolehan dan disertakan bersama semasa pembayaran dibuat.

2. MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ISTIADAT MELAYU PERLIS

- Pengurusan Harta Wakaf

2.1. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Majlis) ditubuhkan di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964. Mengikut Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Majlis dipertanggungjawabkan sebagai pentadbir tunggal wakaf bagi seluruh negeri Perlis. Pengurusan wakaf di Majlis dilaksanakan oleh Unit Wakaf Dan Sumber Am. Unit ini bertanggungjawab mentadbir dan membangunkan harta wakaf dan sumber am secara berkesan dan berkualiti selaras dengan hukum syarak selain meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai potensi ibadah wakaf sebagai instrumen pemangkin sosio ekonomi.

2.2. Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan oleh pewakaf). Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan. Harta yang telah diwakafkan tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa. Umumnya, wakaf terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga) dan Wakaf Khairi (Wakaf Kebajikan). Wakaf Ahli dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunan pewakaf sahaja. Wakaf Khairi pula terbahagi kepada Wakaf Khas dan Wakaf Am. Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah dikhaskan sahaja. Wakaf Am pula adalah wakaf yang tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh digunakan untuk apa jua pembangunan yang memberi pulangan kepada Majlis dan kepada masyarakat Islam.

2.3. Sehingga bulan Mei 2015, baki Wakaf Tunai berjumlah RM71,829. Majlis merekodkan sejumlah 168 lot tanah wakaf dengan keluasan 94.12 ekar. Tanah wakaf tersebut terdiri daripada 137 lot tanah Wakaf Khas berkeluasan 74.76 ekar dan 31 lot tanah Wakaf Am berkeluasan 19.36 ekar.

2.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati pengurusan harta wakaf Majlis adalah kurang memuaskan disebabkan beberapa kelemahan seperti berikut:

- Daftar harta wakaf tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

- Harta wakaf tidak diwartakan pada setiap tahun.
- Perancangan dan pelaksanaan pembangunan harta wakaf kurang memuaskan selain kemudahan tidak dimanfaatkan oleh golongan asnaf.
- Pencerobohan atas tanah wakaf oleh individu.
- Tanah wakaf yang dibangunkan tidak mengikut Surat Cara/wasiat/niat pewakaf.
- Tanah wakaf yang belum dibangunkan tidak disenggara.

2.5. Bagi memastikan pengurusan harta wakaf dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan, Majlis disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.5.1. Senarai Harta Wakaf diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta diwartakan pada setiap tahun.

2.5.2. Memastikan pembangunan tanah wakaf adalah mengikut hasrat asal pewakaf dan tanah-tanah dipantau secara berkala supaya tidak berlakunya pencerobohan atau penggunaan tanpa kebenaran.

3. PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

- **Bakau Jaya Development Sdn. Bhd.**

3.1. Bakau Jaya Development Sdn. Bhd. (Syarikat) yang sebelum ini dikenali sebagai Dominant Link Sdn. Bhd., ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 14 Julai 1992. Syarikat memulakan operasinya sebagai pemaju projek dan perunding harta tanah bagi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan). Syarikat merupakan syarikat usaha sama milik Perbadanan dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dengan masing-masing memegang 50% unit saham syarikat. Modal dibenarkan berjumlah RM5.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.79 juta.

3.2. Aktiviti perniagaan utama Syarikat adalah sebagai pemaju projek dan perunding harta tanah bagi Perbadanan. Aktiviti semasa yang dijalankan adalah penyewaan kedai dan lot ruang niaga milik Syarikat. Syarikat mempunyai 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Seorang Ahli Lembaga Pengarah mewakili Perbadanan manakala seorang lagi mewakili MPK. Secara umumnya, pengurusan Syarikat dilaksanakan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan aktiviti Syarikat diketuai oleh seorang Eksekutif Akaun Dan Pentadbiran dan dibantu seorang Kerani Akaun Dan Pentadbiran, manakala jawatan Pengarah Urusan mengalami kekosongan sejak bulan Disember 2014.

3.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga April 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah baik, pengurusan tadbir urus korporat adalah memuaskan manakala pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai 3 tahun

berturut-turut bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, manakala keuntungan terkumpul pada tahun 2014 berjumlah RM1.14 juta.

3.4. Bagi mempertingkatkan prestasi Syarikat, pengurusan Bakau Jaya Development Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.4.1. Mewujudkan Rancangan Korporat yang komprehensif merangkumi pelaksanaan projek jangka pendek dan jangka panjang agar Syarikat dapat menetapkan hala tuju yang jelas.

3.4.2. Memperkemaskan aspek kawalan dalaman pengurusan kewangan Syarikat.



AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

1. PENGURUSAN PEROLEHAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (SUK) bertanggungjawab menentukan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri berjalan lancar, berkualiti dan produktif. Bagi mencapai objektif ini, SUK melaksanakan perolehan meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut empat (4) kaedah iaitu secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus berpandukan kepada peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Ia termasuklah perolehan perkhidmatan Juru Perunding dan kontrak berkaitan *Information Communication Technology* (ICT). Perolehan yang dibuat berteraskan aspek akauntabiliti awam, integriti, ekonomi, cekap dan berkesan serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Kajian pasaran dibuat bagi memperoleh *best value for money*.

1.1.2. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, SUK telah melaksanakan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM68.07 juta. Bagi tempoh tersebut, 35 perolehan berjumlah RM4.64 juta dibuat secara sebut harga, 6 perolehan berjumlah RM0.34 juta dibuat secara rundingan terus dan 10,152 perolehan berjumlah RM63.09 juta dibuat secara pembelian terus adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Kaedah Perolehan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Bagi Tempoh Tahun 2012 hingga 2014

Kaedah Perolehan	2012		2013		2014		Jumlah	
	Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)
Pembelian Terus	3,498	19.70	3,568	22.16	3,086	21.23	10,152	63.09
Rundingan Terus	1	0.06	2	0.09	3	0.18	6	0.34
Sebut Harga	10	0.90	11	1.41	14	2.33	35	4.64
Tender	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	3,509	20.66	3,581	23.66	3,103	23.74	10,193	68.07

Sumber: Rekod Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan perolehan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan yang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2012 hingga 2014. Ia meliputi sejumlah 159 perolehan secara pembelian terus/rundingan terus bernilai RM7.13 juta dan sejumlah 35 perolehan secara sebut harga yang bernilai RM4.64 juta. Unit yang terlibat adalah Unit Pentadbiran Dan Korporat, Unit Pentadbiran Daerah (UPD), Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (UPKT) dan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat. Pemeriksaan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan dijalankan untuk setiap projek/perolehan yang dipilih. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai audit terlibat telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan lawatan tapak dibuat bagi menentukan kerja-kerja/perkhidmatan atau bekalan telah dilaksanakan dan diterima mengikut spesifikasi atau senarai kuantiti yang telah ditetapkan. *Exit Conference* bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan) dan pegawai telah diadakan pada 20 Ogos 2015.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Peti Tawaran Sebut Harga tidak dibuka dengan segera;
- Dokumen sokongan proses Sebut Harga dan Rundingan Terus tidak disediakan dengan lengkap;
- Inden Kerja tidak diisi dengan lengkap;
- Perolehan bekalan dibuat secara pecah kecil;
- Bukti pengagihan perolehan tidak disertakan bersama Baucar Bayaran;
- Aset tidak dilabelkan; dan
- Kerja kurang memuaskan/tidak mengikut spesifikasi.

1.4.1. Peti Tawaran Sebut Harga Tidak Dibuka Dengan Segera

1.4.1.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan Arahan Perbendaharaan 197.2(b) menghendaki peti tawaran sebut harga dibuka secepat mungkin selepas ia ditutup. Semakan Audit mendapati 7 daripada 35 peti tawaran sebut harga yang disemak telah lewat dibuka antara 10 hingga 42 hari seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Tempoh Masa Diambil Untuk Membuka Peti Tawaran Sebut Harga
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Butiran Sebut Harga	Tarikh Sebut Harga Ditutup	Tarikh Peti Tawaran Sebut Harga Dibuka	Tempoh Masa Peti Sebut Harga Dibuka Dari Tarikh Tawaran Ditutup (Hari)
1.	Kerja Menaik Taraf Lanskap Dan Laluan Riadah Kawasan Lapang PAKR Kangar V Dan Beseri Paya III	28.8.2013	12.9.2013	15
2.	Kerja Menaik Taraf Jalan PAKR Pauh	20.9.2013	29.9.2013	9
3.	Kerja Menaik Taraf Longkang Di PAKR Arau IIB	25.4.2014	5.5.2014	10
4.	Kerja Menaik Taraf Longkang Di PAKR Kangar 102	25.4.2014	5.5.2014	10
5.	Kerja Penyelenggaraan Dan Pendawaian Semula Elektrik Di PPR Wang Ulu, Bintong	6.6.2014	18.7.2014	42
6.	Kerja Menaik Taraf Longkang Di PAKR Santan II	19.9.2014	30.9.2014	11
7.	Kerja Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Pusat Data Di Jabatan Tanah Dan Galian	19.9.2014	30.9.2014	11

Sumber: Rekod Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

1.4.1.2. Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, UPKT memaklumkan kelewatan berlaku disebabkan kesukaran mendapat keseragaman tarikh Ahli Jawatankuasa Sebut Harga untuk bermesyuarat.

Pada pendapat Audit, pengurusan membuka peti tawaran sebut harga adalah memuaskan berdasarkan 7 daripada 35 (20%) yang telah lewat dibuka.

1.4.2. Dokumen Sokongan Perolehan Secara Rundingan Terus Dan Sebut Harga Tidak Disediakan Dengan Lengkap

1.4.2.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013 dan PK 7/2013 menghendaki Minit Mesyuarat Rundingan Harga; surat rasmi permohonan kepada Perbendaharaan Negeri; surat kelulusan permohonan perolehan secara rundingan terus; surat tawaran kepada kontraktor: Perakuan Siap Kerja; dan Surat Akuan Pembida disediakan untuk pengesahan bagi perolehan yang dibuat secara rundingan terus.

1.4.2.2. Bagi perolehan secara sebut harga, dokumen yang perlu disediakan antaranya ialah Pemberitahuan/Notis Sebut Harga; Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga; Surat Tawaran; Perakuan Siap Kerja; dan Surat Akuan Pembida.

1.4.2.3. Semakan Audit terhadap 6 fail rundingan terus dan 35 fail sebut harga mendapati kesemuanya tidak disediakan dengan maklumat yang lengkap seperti Minit Mesyuarat Jawatankuasa, surat permohonan dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri, Surat Tawaran, Perakuan Siap Kerja dan Surat Akuan Pembida. Ia berlaku disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak peka dengan kehendak peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

1.4.2.4. Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, UPKT memaklumkan Bahagian UPKT menggunakan Inden Kerja dan Surat Setuju Terima sebagai ikatan kontrak. UPD pula memaklumkan sebut harga dibuat secara terhad dan tidak diiklankan serta tidak memohon kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Dengan itu, Surat Perjanjian dan Perakuan Siap Kerja tidak disediakan kerana bergantung penuh kepada maklumat dalam Inden Kerja.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam prosedur perolehan telah menyebabkan perolehan yang dibuat tidak mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

1.4.3. Inden Kerja Tidak Diisi Dengan Lengkap

Semua butiran dalam Inden Kerja hendaklah diisi dengan lengkap. Semakan Audit terhadap 91 Inden Kerja yang dikeluarkan pada tahun 2012 hingga 2014 mendapati 52 atau 57.1% daripadanya tidak diisi dengan lengkap. Antara butiran yang tidak diisi ialah tarikh Inden Kerja dikeluarkan, tarikh kerja perlu disiapkan, tarikh perakuan siap kerja, tarikh pemeriksaan dijalankan oleh Jabatan dan tarikh pengesahan Jabatan. Oleh yang demikian, tarikh sebenar kerja-kerja tersebut perlu disiapkan tidak dapat ditentukan.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyediaan Inden Kerja adalah tidak memuaskan.

1.4.4. Perolehan Bekalan Dibuat Secara Pecah Kecil

1.4.4.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 menyatakan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bertanggungjawab merancang perolehan secara pembelian terus tahunan dan memastikan pembelian tidak dipecah kecil untuk mengelak proses sebut harga atau tender. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, pembelian setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan antara RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah dibuat secara sebut harga.

1.4.4.2. Analisis Audit menggunakan Perisian *Audit Command Language* (ACL) terhadap data SPEKS bagi Pejabat SUK mendapati Jabatan telah membuat perolehan secara pecah kecil bagi perolehan tahunan melebihi RM50,000 daripada beberapa pembekal seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3
Bekalan Mengikut Kod Perbelanjaan Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014**

Kod Perbelanjaan	Perihal Perolehan	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014
		Jumlah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
28301	Penyenggaraan Kenderaan	0.51	0.80	0.51
27103	Alat Tulis Komputer	0.18	0.11	0.16
27102	Alat Tulis Pejabat	0.07	0.11	0.09

Sumber: Rekod Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

1.4.4.3. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan memaklumkan pegawai yang bertanggungjawab adalah baharu dan kurang mahir serta tidak peka terhadap peraturan perolehan yang berkuat kuasa. Perolehan yang tidak dirancang ini mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan kerana tidak dibuat secara sebut harga untuk mendapat nilai faedah yang terbaik.

1.4.4.4. Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, perolehan alat tulis pejabat dan komputer akan dibuat secara sebut harga mulai tahun 2015. Untuk penyenggaraan kenderaan, SUK bercadang mengamalkan Sistem Panel.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan hendaklah dibuat dengan cekap dan berintegriti. Ketidakpatuhan peraturan seperti memecah kecil perolehan menyebabkan tawaran harga yang diterima kurang kompetitif.

1.4.5. Bukti Pengagihan Tidak Disertakan Bersama Baucar Bayaran

1.4.5.1. Jabatan hendaklah memastikan pengagihan perolehan dilaksanakan dengan sempurna dan sampai dengan selamat kepada penerima yang sepatutnya. Bukti pengagihan hendaklah disertakan bersama dengan Baucar Bayaran. Arahan Perbendaharaan 99(a) menghendaki semua Baucar Bayaran disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.

1.4.5.2. Pada tahun 2013 dan 2014, Pejabat SUK telah membuat pembelian 290 ekor lembu secara pembelian terus daripada beberapa pembekal bernilai RM1.30 juta seperti di **Jadual 1.4** dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

Jadual 1.4
Pembelian Lembu Sempena Sambutan Hari Raya Aidil Adha Tahun 2013 dan 2014

Bil.	Tarikh	Nama Pembekal	No. Baucar Bayaran	Jumlah (RM)
1.	22.10.2013	Che Suriani Hussain	V0001653	147,569
2.	22.10.2013	Palmbeef Enterprise	V0001654	141,696
3.	22.10.2013	Koperasi Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar Titi Tinggi Perlis Bhd.	V0001655	143,289
4.	22.10.2013	Pertubuhan Peladang Kawasan Beseri	V0001656	140,818
5.	15.10.2014	Palmbeef Enterprise	V0001147	143,955
6.	15.10.2014	Abdullah bin Nayan	V0001148	148,395
7.	17.10.2014	Shahril S.Fendy bin Saad	V0001192	150,195
8.	17.10.2014	Koperasi Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar Titi Tinggi Perlis Bhd.	V0001193	143,070
9.	17.10.2014	Che Suriani bte. Hussain	V0001194	144,908
Jumlah Perolehan				1,303,895

Sumber: Rekod Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

1.4.5.3. Semakan Audit mendapati daripada senarai pemberian/agihan lembu, sejumlah 113 ekor lembu disahkan telah diagihkan kepada Agensi/Jabatan/DUN manakala senarai agihan bagi 37 ekor lembu lagi yang bernilai RM180,196, pengesahan agihan dikemukakan selepas menerima teguran Audit. Begitu juga senarai

pemberian/agihan lembu pada tahun 2014 hanya disediakan selepas menerima teguran Audit.

1.4.5.4. Jabatan juga membuat perolehan buah kurma berjumlah RM127,400 pada tahun 2013 dan RM122,500 pada tahun 2014. Senarai agihan buah kurma pada tahun 2013 dikemukakan selepas menerima teguran Audit. Manakala pada tahun 2014, sejumlah 9,120 kotak buah kurma telah diagihkan berdasarkan senarai pemberian/agihan. Sejumlah 5,888 kotak kurma bernilai RM48,085 telah disahkan pengagihannya selepas menerima teguran Audit. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Pembelian Buah Kurma Sempena Bulan Ramadhan Tahun 2014

Bil.	Tarikh	Nama Pembekal	No. Baucar Bayaran	Jumlah (RM)	Bil. Buah Kurma Diagihkan (Kotak)	Perbezaan Perolehan Dan Pengagihan (Kotak)
1.	2.8.2013	Yusuf Taiyoob Sdn. Bhd.- 1,300 karton (15,600 kotak)	V0001257	127,400	TM	TM
2.	7.7.2014	Yusuf Taiyoob Sdn. Bhd.- 1,000 karton (12,000 kotak)	V0000717	98,000		
3.	9.10.2014	Yusuf Taiyoob Sdn. Bhd. - 250 karton (3,000 kotak)	V0001126	24,500	9,120	5,888
Jumlah Perolehan				249,900		

Sumber: Rekod Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

1.4.5.5. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak peka dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

1.4.5.6. Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, SUK memaklumkan telah mengagihkan kesemua buah kurma tersebut dan senarai keseluruhan pengagihan telah dikemukakan selepas mendapat teguran Audit.

Pada pendapat Audit, penyediaan Baucar Bayaran hendaklah disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang berkaitan sebagai mengesahkan bayaran telah dibuat dan barang diterima sewajarnya.

1.4.6. Peralatan ICT Projek Pembangunan Infrastruktur GIS Tidak Dilabelkan

1.4.6.1. Jabatan telah membuat pembelian 10 peralatan ICT bagi Projek Pembangunan Infrastruktur GIS bernilai RM164,807. Pembayaran telah dibuat menerusi Baucar Bayaran V0000239 bertarikh 23 Disember 2014. Peralatan yang dibeli adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Peralatan ICT Projek Pembangunan Infrastruktur GIS Yang Belum Dilabelkan

Bil.	Butiran Peralatan	Kuantiti (Unit)	Jumlah (RM)
1.	Mobile Workstation (15.6 inci)	1	11,452
2.	Mobile Workstation (17.3 inci)	1	12,462
3.	Scanner / Plotter Multifunction Printer Series	1	57,280
4.	Desktop Workstation	2	37,390
5.	GPS Handheld	2	33,278
6.	Projectors	3	12,945
Jumlah		10	164,807

Sumber: Rekod Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

1.4.6.2. Kesemua peralatan yang diterima tersebut telah didaftarkan dalam Kad Harta Modal Kew.PA2. Pemeriksaan Audit pada 22 April 2015 mendapati semua peralatan tersebut dalam keadaan baik dan digunakan. Bagaimanapun, semua peralatan tersebut tidak dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran dan “Hak Milik Kerajaan”. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) memaklumkan kertas *barcode* untuk pelabelan telah kehabisan stok.

1.4.6.3. Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, BPTM telah melabel semua peralatan ICT Projek Pembangunan Infrastruktur GIS tersebut dengan nombor siri pendaftaran dan “Hak Milik Kerajaan”.

Pada pendapat Audit, pengurusan pendaftaran aset oleh BPTM adalah memuaskan.

1.4.7. Kerja Kurang Memuaskan/Tidak Mengikut Spesifikasi

Setiap perolehan kerja hendaklah dilaksanakan secara ekonomik dan dipantau dengan teliti bagi memastikan kualiti pembinaan yang dilaksanakan adalah sebagaimana yang dikehendaki. Jabatan perlu memastikan kemudahan yang disedia dapat digunakan secara optimum dan dalam tempoh masa yang lama. Menjadi amalan pengurusan yang baik untuk memastikan perolehan yang dibuat mempunyai *value for money*. Semakan Audit mendapati sebanyak 10 atau 20.0% daripada 50 projek yang bernilai RM1.32 juta, kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan. Antara projek yang terlibat adalah seperti berikut:

1.4.7.1. Pembinaan Kuarters 2 Tingkat Maahad Tahfiz Al-Hikmah

- a. Bangunan Kuarters 2 Tingkat di Maahad Tahfiz Al-Hikmah yang mengandungi 4 unit rumah guru dibina di atas sebahagian Lot 254, Kampung Belukar, Mukim Padang Siding, Perlis dengan kos berjumlah RM0.95 juta. Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR) dilantik sebagai Agensi Pelaksana dan Pengarah Projek. Lanjutan Masa Pertama telah diluluskan dari 8 Januari 2015 hingga 8 Mac 2015. Para 7.0, Dokumen Perjanjian menghendaki Kontraktor membekalkan *topsoil* setebal 50.0 mm dan ditanam dengan rumput di kawasan kuarters. Kerja pembersihan kawasan perlu

dilakukan sebelum *topsoil* diratakan. Para 40.0 pula menghendaki penyenggaraan dilakukan oleh Kontraktor sepanjang tempoh 24 bulan, meliputi pembersihan lantai, tandas dan longkang serta penyenggaraan mekanikal dan elektrikal.


- b. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapat Surat Akuan Pembida, Surat Akuan Pembida Berjaya, Analisis Jumlah Kontrak dan Memorandum Perjanjian antara Kontraktor dengan Arkitek, Juruperunding, Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrik serta Perkhidmatan Perunding Juruukur Bahan tidak dicatatkan tarikh ia ditandatangani. Semakan juga mendapat *Non-Conformance Reporting* (NCR) tidak dikeluarkan oleh JKR kepada Kontraktor terhadap semua kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi, tidak kemas dan tidak memuaskan. Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Polisi Insurans Kerja bagi tempoh 9 Januari 2015 hingga 8 Mac 2015 tidak disediakan. Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 30 Mac 2015. Semakan Audit mendapat tiada Lanjutan Masa dikeluarkan bagi tempoh 9 Mac 2015 hingga 30 Mac 2015. Denda lewat juga tidak dikenakan iaitu pada kadar RM172 sehari.
- c. Pemeriksaan Audit pada 20 April 2015 dan 17 Jun 2015 mendapat perkara berikut:
 - i. Terdapat bukaan lubang seluas 11 cm x 34 cm pada lantai tangga dan bukaan lubang seluas 38 cm pada *railing* tangga seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2** yang boleh mendorong bahaya kepada pengguna, terutamanya kepada kanak-kanak kecil.

Gambar 1.1
Ruang Lantai Tangga Yang Mempunyai Bukaan Lubang Yang Besar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 1.2
Railing Tangga Yang Mempunyai Bukaan Yang Luas



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis

Tarikh: 17 Jun 2015

- ii. Tangga dibina tidak sekata dan beralun serta tidak dipasang dengan jubin *non slip homogenous* adalah seperti di **Gambar 1.3**. Kos pembinaan tangga dan kemasannya berjumlah RM9,189.



Gambar 1.3
Tangga Tidak Sekata Dan Beralun Serta Tidak Dipasang Dengan Jubin Non Slip Homogenous

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis

Tarikh: 20 April 2015

- iii. Kawasan kuarters tidak dibersihkan dan rumput tidak ditanam. Keadaan dalam bangunan kuarters juga tidak dibersihkan. Terdapat beberapa lagi kerja yang telah disiapkan kurang memuaskan seperti di **Gambar 1.4** hingga **Gambar 1.8**.

Gambar 1.4
Lantai Tandas
Tidak Dibina Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 1.5
Lantai Tandas
Tidak Dibina Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 1.6
Penutup Sump Tidak Rapat Dan Paip Kumbahan Singki Tidak Dibina Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 1.7
Sisa Bahan Binaan Tidak Dibersihkan
Dan Rumput Tidak Ditanam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis
Tarikh: 17 Jun 2015

Gambar 1.8
Rumput Tidak Ditanam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 254, Kampung Belukar, Padang Siding, Perlis
Tarikh: 17 Jun 2015

- d. Perkara tersebut berlaku disebabkan JKR tidak menjalankan penyeliaan dan pemantauan yang baik semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan oleh kontraktor.
- e. **Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, JKR memaklumkan telah dan akan mengambil tindakan berikut:**
 - i. tangga yang tidak sekata akan dibaiki;
 - ii. kawasan lubang tangga akan ditutup;
 - iii. pelarasan harga akan dibuat pada tangga yang tidak dipasang dengan jubin *non slip homogenous*;
 - iv. penambahbaikan kepada *railing* tangga akan dibuat;
 - v. pemasangan dan kemasan belakang paip tandas dan pada bahagian tepi lantai tandas akan dibaiki;
 - vi. lebihan plaster pada *frame* tingkap akan dikemaskan dan dibaiki;
 - vii. sambungan hujung bumbung ke *gutter* akan dibaiki;
 - viii. penutup *kitchen west sump* dan paip berlebihan akan dibaiki;
 - ix. lubang dinding belakang bangunan akan dibaiki;
 - x. lubang di siling rumah akan dibaiki;
 - xi. kerja pembersihan akan dijalankan sebelum penyerahan kepada pelanggan;
 - xii. rumput akan ditanam, dan
 - xiii. kesemua ketidakakuruan ini telah dimasukkan dalam Senarai Kecacatan selepas mendapat teguran Audit. Senarai Kecacatan ini telah diserahkan kepada Kontraktor pada 25 Jun 2015 untuk dibuat pembaikan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

1.4.7.2. Kerja *Premix* Jalan

- a. Kerja *Premix* Jalan diagihkan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan diuruskan oleh Unit Pentadbiran Daerah (UPD). Pemeriksaan Audit pada 20 April 2015 ke 6 projek *premix* jalan mendapat 3 daripadanya kurang daripada lebar sepatutnya. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Kelebaran Jalan Yang Di Premix Berbanding Sepatutnya

Bil.	Kerja-Kerja Premix	No. Baucar Bayaran	Tarikh Baucar Bayaran	Lebar Jalan Sepatutnya Dipremix (Meter)	Lebar Jalan Yang Dipremix (Meter)	Beza Lebar Jalan (Meter)
1.	Premix Jalan Ban Sungai Besar, Kampung Abi, Bintong, Perlis	V0000912	7.6.2013	2.44	2.10	0.34
2.	Premix Jalan Behor Inai Hulu, Kampung Behor Inai, Bintong, Perlis	V0000858	21.5.2013	2.44	2.20	0.24
3.	Premix Jalan Behor Inai 4, Kampung Behor Inai, Bintong, Perlis	V0000370	4.4.2013	2.44	2.30	0.14

Sumber: Rekod Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, UPD memaklumkan jalan tersebut tidak mempunyai kelebaran yang sekata menyebabkan ia tidak dipremix mengikut kelebaran ditetapkan. Dalam maklum balas semasa Exit Conference yang diadakan pada 20 Ogos 2015, UPD memaklumkan telah mengarahkan kontraktor untuk menambah jumlah panjang jalan yang dipremix bagi mengimbangi kekurangan tersebut. Bagi Jalan Behor Inai Hulu, jalan yang dipremix adalah sepanjang 243.0 meter berbanding 210.0 meter pada asalnya. Senarai Kuantiti @ Bill of Quantities (BQ) yang baharu kemudiannya telah disediakan.**
- c. Pemeriksaan Audit pada 9 Jun April 2015 ke Jalan Ban Sungai Besar, Kampung Abi, Bintong, Perlis mendapati kerja pemasangan raga gabion bersalut PVC dengan isian batu tidak disediakan oleh Kontraktor. Kedudukan raga gabion sepautunya disedia dan diletakkan pada tebing sungai di kawasan bertanda di **Gambar 1.9**.



Gambar 1.9
Kedudukan Raga Gabion Bersalut PVC Sepatutnya Disedia Dan Diletakkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Besar Kampung Abi, Bintong, Perlis
Tarikh: 9 Jun 2015

- d. **Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, UPD memaklumkan terdapat perubahan kerja yang menyebabkan raga gabion tidak disediakan dan telah diganti dengan kerja senilai. Bagaimanapun, perubahan kerja tersebut tidak dimasukkan dalam Senarai Kuantiti (BQ) dan Skop Kerja. Dalam maklum balas semasa Exit Conference yang diadakan pada 20 Ogos 2015, UPD telah menggantikannya dengan kerja-kerja tambahan membekal dan memasang kok pembentungan sebanyak 3 unit. Senarai Kuantiti (BQ) yang baharu kemudiannya telah disediakan.**

1.4.7.3. Kerja Membina Pagar Jejaring Keselamatan Kawasan Gerai Ekonomi Kampung Bukit Manik, Beseri

- a. Pembinaan pagar jejaring keselamatan dilaksanakan di kawasan Gerai Ekonomi Kampung Bukit Manik, Beseri, Perlis melalui sebut harga dengan kos berjumlah RM44,179. Pembayaran dibuat menerusi Baucar Bayaran V0001743 bertarikh 18 November 2012. Lawatan Audit pada 20 April 2015 mendapati pagar jejaring keselamatan telah siap dibina. Bagaimanapun, pintu masuk sebelah kanan telah senget dan tidak stabil kerana dipasang rapat dengan aras jalan seperti di **Gambar 1.10**.

Gambar 1.10
Pintu Pagar Yang Senget Dan Tidak Stabil
Serta Dipasang Rapat Dengan Aras Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Manik, Beseri, Perlis
Tarikh: 20 April 2015

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, UPD memaklumkan terdapat perubahan skop kerja yang menyebabkan pintu tersebut dibina lebih besar daripada sepatutnya.**

1.4.7.4. Kerja Menaik Taraf Lanskap Dan Laluan Riadah Kawasan Lapang Di PAKR Kangar V Dan PAKR Beseri Paya III

- a. Kerja Menaik Taraf Lanskap Dan Laluan Riadah Kawasan Lapang Di PAKR Kangar V dan PAKR Beseri Paya III, Perlis siap dilaksanakan pada 18 November 2013 dengan kos berjumlah RM115,350. Perolehan dibuat menerusi pelawaan sebut harga. Pembayaran dibuat menerusi Baucar Bayaran V0000174 bertarikh 21 November 2013. Antara skop kerja yang perlu dilaksanakan adalah membekal dan menanam dua (2) pokok *Bucida Molineti* (putih) bersaiz 7.0 hingga 9.0 kaki setiap satu pokok yang berharga RM450 serta membekal dan menanam 68 pokok peneduh dari jenis *Bucida Molineti* (jenis biasa) berukuran 6.0 hingga 7.0 kaki tinggi setiap satu yang berharga RM300, termasuk baja serta kerja penyediaan tapak, *top soil*, pancang dan penyiraman selama sebulan di PAKR Kangar V dan PAKR Beseri Paya III. Kontraktor perlu membekalkan sejumlah 39 pokok di PAKR Kangar V dan 29 pokok di PAKR Beseri Paya III berserta dengan kotak bunga bersaiz 3 kaki x 3 kaki x 1.5 kaki berplaster.

- b. Pemeriksaan Audit pada 9 Jun 2015 mendapati tiada pokok *Bucida Molineti* (putih) ditanam di PAKR Kangar V dan di PAKR Beseri Paya III. Juruteknik Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (UPKT) memaklumkan kedua-dua pokok tersebut telah dicuri. Bukti bahawa pokok-pokok tersebut telah ditanam oleh kontraktor menerusi gambar foto tidak disediakan. Pemeriksaan Audit juga mendapati hanya terdapat sebanyak 18 pokok *Bucida Molineti* (jenis biasa) yang ditanam di PAKR Kangar V dan sebanyak 11 pokok di PAKR Beseri Paya III dalam kotak bunga berplaster. Juruteknik UPKT memaklumkan baki sebanyak 9 pokok lagi ditanam di sepanjang jalan PAKR Beseri Paya III manakala 30 pokok di sepanjang jalan PAKR Tambun Tulang. Bagaimanapun, sebanyak 30 kotak bunga berplaster yang berharga RM2,850 tidak disediakan. Kotak bunga berplaster yang tidak disediakan tersebut adalah seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12** manakala kawasan penanaman dimaklumkan pokok telah dicuri adalah seperti di **Gambar 1.13** dan **Gambar 1.14**.

Gambar 1.11

Kotak Bunga Berplaster Tidak Disediakan



09.06.2015

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: PAKR Beseri Paya III, Beseri, Perlis
Tarikh: 9 Jun 2015

Gambar 1.12

Kotak Bunga Berplaster Tidak Disediakan



09.06.2015

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: PAKR Tambun Tulang, Tambun Tulang, Perlis
Tarikh: 9 Jun 2015

Gambar 1.13

Pokok *Bucida Molineti* (Putih)
Yang Dimaklumkan Telah Dicuri



09.06.2015

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: PAKR Kangar V, Kangar, Perlis
Tarikh: 9 Jun 2015

Gambar 1.14

Pokok *Bucida Molineti* (Putih)
Yang Dimaklumkan Telah Dicuri



09.06.2015

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: PAKR Beseri Paya III, Beseri, Perlis
Tarikh: 9 Jun 2015

- c. Perkara ini berlaku disebabkan pemantauan kerja Kontraktor tidak dilakukan dengan baik oleh pegawai yang bertanggungjawab. Ia telah menyebabkan pembayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.
- d. **Dalam maklum balas bertarikh 12 Ogos 2015, UPKT memaklumkan telah mengarahkan kontraktor menggantikan pokok yang telah dicuri tersebut dengan pokok Kemboja. Bagaimanapun, pokok tersebut juga telah dicuri. Kotak bunga berplaster hanya disediakan di kawasan lapang sahaja manakala penyediaannya di bahu jalan mendapat bantahan daripada penduduk setempat dengan alasan ia menyempitkan bahu jalan. UPKT telah meminda skop kerja dengan menggantikannya kepada pembekalan 13 pokok *Bucida Molineti* (jenis biasa). Perubahan pada skop kerja diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga yang diadakan pada 4 Oktober 2013.**

Pada pendapat Audit, perolehan kerja yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan kerana kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Senarai Kuantiti (BQ).

1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi wang awam yang dibelanjakan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

- 1.5.1.** Pemantauan perlu dilakukan semasa kerja-kerja dilakukan oleh kontraktor supaya kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.5.2.** Senarai Kuantiti (BQ) yang baharu hendaklah disediakan sekiranya terdapat perubahan dalam skop kerja asal perolehan dan disertakan bersama semasa pembayaran dibuat.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

2. PENGURUSAN HARTA WAKAF

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Majlis) ditubuhkan di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964. Mengikut Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Majlis dipertanggungjawabkan sebagai pentadbir tunggal wakaf bagi seluruh negeri Perlis. Pengurusan wakaf di Majlis dilaksanakan oleh Unit Wakaf Dan Sumber Am. Unit ini bertanggungjawab mentadbir dan membangunkan harta wakaf dan sumber am secara berkesan dan berkualiti selaras dengan hukum syarak selain meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai potensi ibadah wakaf sebagai instrumen pemangkin sosio ekonomi.

2.1.2. Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan oleh pewakaf). Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan. Harta yang telah diwakafkan tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa. Umumnya, wakaf terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga) dan Wakaf Khairi (Wakaf Kebajikan). Wakaf Ahli dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunan pewakaf sahaja. Wakaf Khairi pula terbahagi kepada Wakaf Khas dan Wakaf Am. Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah dikhaskan sahaja. Wakaf Am pula adalah wakaf yang tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh digunakan untuk apa juar pembangunan yang memberi pulangan kepada Majlis dan kepada masyarakat Islam.

2.1.3. Sehingga bulan Mei 2015, baki Wakaf Tunai berjumlah RM71,829. Majlis merekodkan sejumlah 168 lot tanah wakaf dengan keluasan 94.12 ekar. Tanah wakaf tersebut terdiri daripada 137 lot tanah Wakaf Khas berkeluasan 74.76 ekar dan 31 lot tanah Wakaf Am berkeluasan 19.36 ekar seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kategori Tanah Wakaf

Kategori Wakaf	Bil. Lot Tanah	Keluasan (Ekar)
Wakaf Am	31	19.36
Wakaf Khas:		
Masjid	76	45.85
Kubur	47	24.70
Surau	13	4.12
Lain-lain	1	0.09
Jumlah	168	94.12

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis

2.1.4. Selain itu, Majlis juga mempunyai 36 premis wakaf yang disewakan, terdiri daripada 1 unit rumah kediaman, 8 unit Rumah Kedai 2 Tingkat dan 27 unit ruang niaga (Bazar Wakaf Rakyat).

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan harta wakaf Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan berlandaskan Enakmen, peraturan sedia ada dan pentadbiran hukum syarak serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan harta Wakaf Khairi sahaja, melibatkan tanah wakaf, tanah yang diusaha hasilkan, tanah yang disewakan, tanah yang berpotensi untuk dimajukan dan bangunan wakaf yang disewakan. Ia meliputi tempoh tahun 2012 hingga bulan Mei 2015. Pengauditan dijalankan di Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Majlis) dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan. Lawatan Audit juga dilakukan bersama pegawai Majlis dan pegawai dari Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis ke 52 lot tanah wakaf bagi mengesahkan kewujudan serta keadaan tanah dan bangunan wakaf. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Majlis yang bertanggungjawab juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis dan pegawai telah diadakan pada 18 Ogos 2015.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2015 mendapati pengurusan harta wakaf Majlis adalah kurang memuaskan dan mempunyai kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Daftar harta wakaf tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Harta wakaf tidak diwartakan pada setiap tahun.
- Perancangan dan pelaksanaan pembangunan harta wakaf kurang memuaskan selain kemudahan tidak dimanfaatkan oleh golongan asnaf.
- Pencerobohan atas tanah wakaf oleh individu.
- Tanah wakaf yang dibangunkan tidak mengikut Surat Cara/wasiat/niat pewakaf.
- Tanah wakaf yang belum dibangunkan tidak disenggara.

2.4.1. Daftar Harta Wakaf Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Kemas Kini

2.4.1.1. Seksyen 96(1) dan 96(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 menghendaki Majlis menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dalam negeri Perlis. Semua masjid dan tapak masjid, selain tanah Kerajaan atau tanah yang dirizabkan bagi maksud awam, hendaklah menjadi milik Majlis setelah ia didaftarkan. Perenggan 320, Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam (Amalan Terbaik) menghendaki semua harta wakaf, setelah diluluskan, hendaklah didaftarkan atas nama Majlis dengan dicap mengikut jenis wakaf yang ditetapkan. Perenggan 321 pula menghendaki semua harta wakaf direkodkan dalam Daftar Wakaf dan satu senarai harta berakhir pada 31 Disember setiap tahun disediakan dan disahkan.

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati semua pemilikan tanah wakaf telah selesai dipindah milik atas nama Majlis dan Daftar Wakaf ada diselenggara. Bagaimanapun, daftar tersebut tidak lengkap kerana tidak mempunyai maklumat berkenaan keluasan tanah wakaf, nombor rujukan fail wakaf, bilangan premis, bayaran Cukai Tanah, bayaran Cukai Taksiran, status pembangunan/penggunaan harta serta lokasinya. Kesemua harta wakaf yang didaftarkan atas nama Majlis tidak dicap/diendors dengan jenis wakaf. Perkara ini berlaku disebabkan proses kerja dan carta aliran yang disediakan Majlis tidak lengkap selain mengikut amalan terdahulu. Akibatnya, Majlis tidak dapat mengenal pasti jenis wakaf harta tersebut serta lokasinya dengan tepat.

2.4.1.3. Lawatan Audit pada bulan April 2015 ke 52 buah lot tanah Majlis mendapati Lot 2891, GM 3378, Mukim Sena yang berkeluasan 0.05 ekar adalah milik Kumpulan Wang Zakat Dan Fitrah manakala Lot 791, GM 331, Mukim Kuala Perlis yang berkeluasan 3.46 ekar adalah milik individu. Majlis kemudiannya telah mengambil tindakan pembetulan dengan mengemas kini Daftar Harta Wakaf dengan mengeluarkan tanah bukan hak milik Majlis tersebut.

2.4.1.4. Majlis hendaklah merekod tarikh hak milik tanah dipindah milik atas nama Majlis bagi memudahkan pengumuran pegangan harta dibuat. Semakan Audit mendapati Majlis merekodkan tarikh geran tanah didaftarkan sebagai tarikh hak milik tanah dipindah milik

kepada Majlis. Dengan demikian terdapat perbezaan tarikh sebenar pemilikan oleh Majlis dengan tarikh asal hak milik atas tanah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Tarikh Pegangan Tanah Wakaf Yang Direkodkan Adalah Berdasarkan Tarikh Geran Tanah Didaftarkan Berbanding Tarikh Pendaftaran Hak Milik Tanah Kepada Majlis

Bil.	Keterangan Tanah	Mukim	Tarikh Geran Tanah Didaftarkan (Tarikh Hak Milik Tanah Yang Direkodkan Oleh Majlis)	Tarikh Pendaftaran Hak Milik Tanah (Tarikh Tanah Dipindah Milik Kepada Majlis)
1.	Lot 116 GM 1039	Kayang	29.06.1972	22.01.1998
2.	PT 2681 HSM 2955	Sena	09.09.2004	01.09.2010
3.	Lot 2205 GM 1629	Bintong	31.05.2005	02.12.1967
4.	Lot 629 GM 1543	Beseri	18.05.1977	29.10.2004
5.	Lot 1824 GM 1165	Seriab	16.06.1991	16.04.2009
6.	Lot 1953 GM 1694	Bintong	16.09.2005	12.12.1967
7.	Lot 2304 GM 798	Sena	25.04.1967	20.08.2009
8.	Lot 1190 GM 245	Ngulang	27.02.1968	19.04.2001
9.	Lot 883 GM 817	Seriab	07.07.1970	09.09.2002
10.	Lot 234 GM 821	Beseri	01.02.1975	02.09.1999
11.	Lot 128 GM 518	Kurong Batang	25.09.1977	16.12.2008
12.	Lot 2478 GM 1624	Utan Aji	06.03.1984	22.01.1998
13.	Lot 1643 GM 471	Kechor	10.02.1990	10.12.1996
14.	Lot 1583 GM 2551	Sena	15.01.2003	26.06.2009
15.	Lot 2190 GM 2322	Kayang	07.12.2005	02.06.2008
16.	Lot 1579 GM 2573	Sena	15.01.2003	16.04.2009
17.	Lot 735 GM 526	Kurong Batang	28.09.1977	01.03.2010
18.	Lot 1087 GM 1080	Sanglang	15.02.1971	11.08.1997
19.	Lot 880 GM 814	Seriab	07.07.1970	22.01.1998 15.04.2003
20.	Lot 1976 GM 1716	Wang Bintong	16.09.2005	05.05.2011

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis

2.4.1.5. Semakan Audit juga mendapati Majlis tidak mendaftarkan kesemua tapak masjid sedia ada di negeri Perlis sebagai tanah wakaf milik Majlis. Majlis juga tidak dapat mengenal pasti tapak masjid sedia ada yang telah diwakafkan. Perkara ini berlaku disebabkan Majlis tidak sedar keperluan dan kepentingan mendaftarkan tanah tapak masjid sebagai milik Majlis. Oleh yang demikian, kepentingan Majlis terhadap tanah tapak masjid tidak terjamin dan terpelihara.

2.4.1.6. **Dalam maklum balas bertarikh 14 Ogos 2015, Majlis telah mengemas kini keluasan tanah wakaf dan cap tujuan wakaf sedang disediakan. Majlis juga dalam proses mengemas kini tarikh sebenar pegangan harta wakaf serta jumlah bayaran Cukai Tanah dan Cukai Taksiran bagi setiap harta wakaf. Semakan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis mendapati sebahagian masjid dibina di atas tanah rizab masjid.**

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan Daftar Harta Wakaf adalah kurang memuaskan kerana tidak disediakan dengan tepat, lengkap dan kemas kini.

2.4.2. Harta Wakaf Tidak Diwartakan Pada Setiap Tahun

2.4.2.1. Seksyen 95, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 menghendaki Majlis menyediakan senarai semua harta, pelaburan dan aset yang telah diwakafkan dan menjadi hak Majlis, diisyiharkan dalam Warta Kerajaan selepas 31 Disember pada setiap tahun.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 hingga 2014, senarai harta wakaf ada disediakan dan menjadi sebahagian daripada Penyata Kewangan Majlis. Bagaimanapun, senarai tersebut hanya melaporkan tanah wakaf sahaja. Dua (2) buah rumah yang diwakafkan masing-masing di Taman Desa Katong dan di Batu 5, Kayang tidak dilaporkan.

2.4.2.3. Pada bulan Februari 2015, Majlis telah mewartakan harta wakaf miliknya yang disenaraikan sehingga 31 Disember 2014 berkeluasan 327.98 ekar sebagai tanah wakaf, sedangkan tanah wakaf yang dipindah milik atas nama Majlis hanya berkeluasan 94.54 ekar. Perbezaan tanah seluas 233.44 ekar adalah milik individu yang tidak diwakafkan. Majlis kemudiannya telah membetulkan maklumat tersebut.

2.4.2.4. Semakan Audit turut mendapati lot tanah PT 2099, HSM 1314, Mukim Jejawi yang belum diwartakan lagi turut disenaraikan sebagai harta Wakaf Majlis Tahun 2014. Perbezaan bilangan lot tanah dan keluasan tanah wakaf yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan berbanding yang diwartakan oleh Majlis adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Maklumat Harta Wakaf Pada Penyata Kewangan
Berbanding Senarai Harta Wakaf Yang Diwartakan

Tahun	Nota Penjelasan Harta Wakaf		Senarai Harta Wakaf Yang Diwartakan		Diwartakan
	Bil. Lot Tanah	Keluasan (Ekar)	Bil. Lot Tanah	Keluasan (Ekar)	
2012	92	TM	-	-	Tidak Diwartakan
2013	165	344.12	-	-	Tidak Diwartakan
2014	165	94.54	164	327.98	Diwartakan

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis
TM - Tiada Maklumat

2.4.2.5. Dalam maklum balas bertarikh 14 Ogos 2015, Majlis telah membuat semakan semula bilangan dan keluasan harta wakaf dan akan mengemukakannya kepada Pejabat Undang-undang Negeri Perlis untuk tindakan pewartaan.

Pada pendapat Audit, Majlis tidak mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa kerana tidak mewartakan senarai harta wakaf yang tepat, lengkap dan kemas kini pada setiap tahun.

2.4.3. Pembangunan Harta Wakaf

2.4.3.1. Perancangan Dan Pelaksanaan Pembangunan Harta Wakaf Kurang Memuaskan

- a. Seksyen 95, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 menyatakan bahawa sekiranya tempoh masa yang terlalu lama atau berlaku perubahan persekitaran menyebabkan mana-mana harta wakaf tidak dapat dilaksanakan dengan berfaedah, Majlis hendaklah dengan sewajarnya menggunakan kaedah yang sehampir mungkin sama untuk membangunkan harta berkenaan.
- b. Semakan Audit mendapati Majlis ada menyediakan perancangan untuk membangunkan harta wakaf. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Negeri Perlis (JKPNPs) yang ditubuhkan pada tahun 2012 adalah bertanggungjawab menjalankan apa-apa arahan, dasar atau keputusan yang dibuat oleh Majlis berhubung harta wakaf; mengawal selia dan memantau pengurusan, pelaksanaan, pembangunan dan pelaburan wakaf.
- c. Sehingga bulan Mei 2015, 9 daripada 168 lot tanah wakaf telah dikenal pasti untuk dimajukan dan bakinya masih dalam perancangan. Mengikut Majlis, pembangunan keseluruhan tanah wakaf menghadapi masalah kerana mempunyai saiz keluasan yang berbeza-beza yang sebahagian besarnya berkeluasan kurang daripada 2 ekar.
- d. Lawatan Audit mendapati 38 daripada 50 lot dengan keluasan 35.49 ekar telah dibangunkan manakala 12 lot tanah dengan keluasan 6.60 ekar masih belum dibangunkan. Lot-lot tanah yang dibangunkan antaranya adalah bagi bangunan masjid, surau, tapak perkuburan, tapak untuk aktiviti perniagaan dan pertanian.
- e. **Mengikut maklum balas bertarikh 14 Ogos 2015, Majlis memaklumkan perancangan pembangunan terhadap tanah wakaf bergantung kepada peruntukan kewangan dan kesesuaian serta impak daripada pembangunan tersebut kepada umum. Majlis memberi fokus pembangunan kepada Wakaf Tunai disebabkan ia mudah direalisasikan serta memberi impak yang besar kepada sosioekonomi umat Islam.**

2.4.3.2. Kompleks Wakaf, Behor Lalang

- a. Kompleks Wakaf Behor Lalang dibina dengan kos berjumlah RM4.0 juta menerusi peruntukan kewangan RMK-9 yang diterima daripada Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) di atas tanah wakaf yang berkeluasan 5.95 ekar. Ia terdiri daripada 8 unit

Rumah Kedai 2 Tingkat, sebuah Tadika Islam, sebuah surau dan sebuah tandas seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Objektif pembangunan adalah untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi ummah golongan usahawan asnaf supaya berdaya saing dan projek telah siap sepenuhnya pada bulan Januari 2011.

Gambar 2.1

Kompleks Wakaf Behor Lalang

Terdiri Daripada 8 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat, Tadika Islam, Surau Dan Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 685, GM 538, Mukim Utan Aji
Tarikh: 12 Mac 2015

Gambar 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 685, GM 538, Mukim Utan Aji
Tarikh: 12 Mac 2015

- b. Semakan Audit mendapati status pemilikan bangunan tersebut masih belum diputuskan sama ada akan diberi kepada Majlis atau sebaliknya. Begitu juga 8 unit rumah kedai ini masih belum digunakan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk menjalankan perniagaan. Hanya 4 daripada 7 unit rumah kedai sahaja yang disewakan, manakala satu unit lot rumah kedai dijadikan stor Majlis. Antara faktor bangunan kedai tidak disewakan kerana kadar sewa bulanan yang agak tinggi iaitu pada kadar RM1,200 sebulan dan lokasi kompleks yang tidak strategik kerana tidak mendapat sambutan pelanggan. Sehingga bulan Disember 2014, 4 unit yang disewakan telah tertunggak sejumlah RM75,550.
- c. **Dalam maklum balas semasa Exit Conference pada 18 Ogos 2015, Majlis mengakui tapak perniagaan kurang mendapat sambutan pelanggan selain ketidakmampuan asnaf menjalankan perniagaan. Pemilihan tapak Kompleks Behor Lalang juga tidak sesuai dan tidak mencapai objektif pembinaannya. Majlis akan lebih berhati-hati di masa hadapan dalam mengurus dan meluluskan projek pembangunan. Disebabkan itu, Majlis menyewakan unit rumah kedai tersebut kepada golongan bukan asnaf.**

Pada pendapat Audit, perancangan awal pembangunan ruang niaga untuk dimanfaatkan oleh golongan asnaf tidak tercapai.

2.4.4. Pencerobohan Tanah Wakaf Yang Diusahakan Oleh Individu

2.4.4.1. Mengikut Seksyen 92, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu Wakaf Khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi Wakaf Khas itu. Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf selain Wakaf Khas hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal. Perenggan 323, Amalan Terbaik menghendaki hasil daripada harta Wakaf Khas diperakaunkan dalam satu Akaun Amanah Khas. Ia hendaklah dibelanjakan bagi tujuan harta Wakaf Khas tersebut sahaja.

2.4.4.2. Lawatan Audit ke 50 lot tanah wakaf Majlis mendapati 9 lot daripadanya sedang diusahakan untuk pertanian atau dibangunkan bangunan di atasnya adalah seperti di **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.8**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 290, GM 990, Mukim Kechor
Tarikh: 20 April 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1579, GM 2573, Mukim Sena
Tarikh: 20 April 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2831, GM 608, Mukim Kurong Anai
Tarikh: 14 April 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2510, GM 840, Mukim Sanglang
Tarikh: 23 April 2015

Gambar 2.7
**Tanah Wakaf Khas Kubur Yang
 Diusahakan Dengan Pelbagai Tanaman**



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot 1877, GM 1522, Mukim Ngulang
 Tarikh: 20 April 2015

Gambar 2.8
**Tanah Wakaf Khas Kubur
 Yang Dibina Lot Kedai**



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot 3203, GM 2250, Mukim Kurong Anai
 Tarikh: 22 April 2015

2.4.4.3. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mendapat sebarang hasil pendapatan daripada penggunaan dan pendudukan di atas tanah-tanah tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan Majlis tidak menyedari tanah wakaf tersebut telah diusahakan oleh individu kerana permohonan tidak dirujuk kepada pihak Majlis. Temu bual Audit bersama penduduk tempatan dimaklumkan bahawa hasil sewa tanah di atas penggunaan tanah-tanah tersebut dibayar kepada masjid. Butiran tanah wakaf yang diusahakan tanpa pengetahuan dan kebenaran Majlis adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Tanah Wakaf Yang Diguna Dan Diusahakan Tanpa Pengetahuan Majlis

Bil.	Butiran Tanah Wakaf	Mukim	Jenis Wakaf	Tujuan Diusahakan
1.	Lot 3743 GM 1632	Kurong Anai	Am	Pertanian - tanaman padi
2.	Lot 2831 GM 608	Kurong Anai	Am	Pertanian - tanaman padi
3.	Lot 485 GM 498	Sanglang	Khas - Kubur	Pertanian - tanaman padi
4.	Lot 3203 GM 2250	Kurong Anai	Khas - Kubur	Pembangunan – bangunan kedai
5.	Lot 1877 GM 1522	Ngulang	Khas - Kubur	Pertanian - pelbagai tanaman
6.	Lot 2510 GM 840	Sanglang	Khas - Masjid	Pembangunan – bangunan Tadika Islam
7.	Lot 1579 GM 2573	Sena	Khas - Masjid	Pertanian - tanaman padi
8.	Lot 290 GM 990	Kechor	Khas - Masjid	Pertanian - tanaman jagung
9.	Lot 478 GM 285	Seriab	Khas - Surau	Pertanian - tanaman padi

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis

2.4.4.4. Dalam maklum balas bertarikh 14 Ogos 2015, Majlis akan menyediakan Perjanjian Sewa Tanah dengan pengusaha tanah berkenaan.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap harta wakaf tidak memuaskan kerana terdapat harta wakaf yang diduduki dan diusahakan tanpa pengetahuan Majlis.

2.4.5. Tanah Wakaf Yang Dibangunkan Tidak Mengikut Surat Cara/Wasiat/Niat Pewakaf

2.4.5.1. Wakaf Khas ialah wakaf yang diwujudkan oleh pewakaf bagi tujuan manfaat tertentu umat Islam mengikut hukum syarak. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Pembangunan Selain Daripada Niat Asal Pewakaf. Muzakarah telah memutuskan bahawa membangunkan tanah Wakaf Khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam, dengan syarat, pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13 - 14 April 1982 telah membincangkan berkenaan Wakaf Ganti (Wakaf Ibdal). Wakaf Gantian bermaksud menukar harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf. Muzakarah telah memutuskan bahawa Wakaf Gantian ia adalah diharuskan mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah.

2.4.5.2. Lawatan Audit ke 50 lot tanah wakaf yang berkeluasan 45.60 ekar mendapati 38 lot tanah daripadanya telah dibangunkan. Daripada jumlah tersebut, 10 lot tanah yang berkeluasan 7.40 ekar telah dibangunkan dengan tidak mengikut Surat Cara/wasiat/niat pewakaf adalah seperti di **Jadual 2.5** dan **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.12**.

Jadual 2.5
Tanah Wakaf Yang Dibangunkan Tidak Mengikut Surat Cara/Wasiat/Niat Pewakaf

Bil.	Butiran Harta	Keluasan (Ekar)	Jenis Wakaf	Status Penggunaan Tanah
1.	Lot 3203 GM 2250 Mukim Kurong Anai	0.47	Wakaf Khas - Kubur	Bangunan Kedai
2.	Lot 2534 GM 2085 Mukim Paya	0.51	Wakaf Khas - Kubur	Masjid Al-Ghafor
3.	Lot 8030 GM 1919 Mukim Chuping	1.05	Wakaf Khas - Kubur	Masjid As-Saadah
4.	Lot 5172 GM 4149 Mukim Kurong Anai	0.21	Wakaf Khas - Kubur	Gelanggang Futsal, Bola Jaring dan Sepak Takraw
5.	Lot 2510 GM 840 Mukim Sanglang	0.13	Wakaf Khas - Masjid	Tadika PASTI Nurul Hidayah
6.	Lot 8162 GM 1959 Mukim Seriab	0.15	Wakaf Khas - Masjid	Dewan Kuliyah MAIPs
7.	Lot 1877 GM 1522 Mukim Ngulang	1.88	Wakaf Khas - Kubur	Masjid Munawarah
8.	Lot 105 GM 331 Mukim Seriab	0.69	Wakaf Khas - Masjid	Tanah Kubur
9.	Lot 2066 GM 2239 Mukim Seriab	1.07	Wakaf Khas - Surau	Masjid Al-A'la
10.	Lot 805 GM 778 Mukim Oran	1.24	Wakaf Khas - Surau	Masjid As-Sobirin
Jumlah Keluasan Tanah		7.40		

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis

Gambar 2.9
Tanah Wakaf Khas Kubur
Dibangunkan Dengan
Bangunan Kedai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 3203 GM 2250, Mukim Kurong Anai
Tarikh: 22 April 2015

2.10
Tanah Wakaf Khas Kubur Dibangunkan
Dengan Gelanggang Futsal, Bola Jaring
Dan Sepak Takraw



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 5172 GM 4149, Mukim Kurong Anai
Tarikh: 22 April 2015

Gambar 2.11
Tanah Wakaf Khas Kubur
Dibangunkan Dengan Masjid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2534 GM 2085, Mukim Paya
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 2.12
Tanah Wakaf Khas Masjid
Dibangunkan Dengan Pusat Asuhan
Tunas Islam (PASTI)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2510 GM 840, Sanglang
Tarikh: 23 April 2015

2.4.5.3. Dalam maklum balas bertarikh 14 Ogos 2015, Majlis memaklumkan terdapat tanah kubur yang dibangunkan sebagai masjid disebabkan dahulunya, masjid dan kubur terletak dalam satu kawasan tanah yang sama. Bagi pembinaan bangunan kedai, gelanggang futsal, tadika dan lain-lain binaan selain tujuan asal pewakaf, ia dibina tanpa persetujuan Majlis. Dalam maklum balas semasa *Exit Conference* pada 18 Ogos 2015, Majlis akan mendapatkan pandangan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dan Mesyuarat Majlis berkenaan pembangunan selain yang diwakafkan, kerana ia masih lagi memberi sumbangan manfaat kebijakan dan sosial kepada umat Islam setempat.

Pada pendapat Audit, tanah wakaf sepatutnya dibangunkan mengikut kehendak pewakaf supaya tujuan pewakaf direalisasi dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh umat Islam setempat.

2.4.6. Tanah Wakaf Yang Belum Dibangunkan Tidak Disenggara

2.4.6.1. Kawalan dan pemantauan yang berterusan terhadap harta tanah wakaf adalah penting bagi memastikan semua harta tanah wakaf dikenal pasti lokasinya, dimanfaatkan dan bagi mengelak berlakunya pencerobohan dan penggunaan tanpa kebenaran.

2.4.6.2. Lawatan Audit terhadap 12 lot tanah wakaf yang belum dibangunkan mendapati kesemuanya tidak dipasang dengan papan tanda Hak Milik Majlis dan larangan menceroboh serta tidak berpagar. Keadaan tanah wakaf yang tidak disenggara dan tidak berpagar ini adalah seperti di **Gambar 2.13** hingga **Gambar 2.17**.

Gambar 2.13

**Tanah Wakaf Yang Tidak Dipasang Dengan
Papan Tanda Hak Milik Serta Amaran Pencerobahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 331 GM 534, Mukim Wang Bintong
Tarikh: 20 April 2015

Gambar 2.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 3598 GM 1872 & Lot 4507 GM 1873,
Mukim Utan Aji
Tarikh: 22 April 2015

Gambar 2.15
**Rumah Dan Tanah Yang Diwakafkan Sebagai Pusat Komuniti Wakaf
Tidak Dipagar**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2038 GM 1360, Mukim Kayang
Tarikh: 14 April 2015



Gambar 2.16

**Tanah Wakaf Yang Tidak Dipagar/Ditandakan
Untuk Menentukan Had Sempadan Tanah**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 287 GM 205, Mukim Ngulang
Tarikh: 22 April 2015

Gambar 2.17

Tanah Wakaf Yang Tidak Dipagar/Ditandakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1212 GM 542, Mukim Beseri
Tarikh: 20 April 2015

2.4.6.3. Dalam maklum balas bertarikh 14 Ogos 2015, Majlis akan melantik Juruukur berlesen untuk menentukan had sempadan tanah wakaf yang bermasalah. Kawasan tanah wakaf akan dipagar dan papan tanda hak milik serta larangan menceroboh akan dipasang. Pemantauan secara berkala akan dilakukan bagi mengelak berlakunya pendudukan dan penggunaan tanah wakaf tanpa kebenaran.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan tanah wakaf milik Majlis adalah kurang memuaskan kerana tanah tidak dipagar bagi mewujudkan had sempadan tanah dan papan tanda hak milik tidak dipasang.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan harta wakaf dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.5.1. Senarai Harta Wakaf diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta diwartakan pada setiap tahun.

2.5.2. Memastikan pembangunan tanah wakaf adalah mengikut hasrat asal pewakaf dan tanah-tanah dipantau secara berkala supaya tidak berlaku pencerobohan atau penggunaan tanpa kebenaran.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

3. BAKAU JAYA DEVELOPMENT SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Bakau Jaya Development Sdn. Bhd. (Syarikat) yang sebelum ini dikenali sebagai Dominant Link Sdn. Bhd., ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 14 Julai 1992. Syarikat memulakan operasinya sebagai pemaju projek dan perunding harta tanah bagi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan). Syarikat merupakan syarikat usaha sama milik Perbadanan dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dengan masing-masing memegang 50% unit saham syarikat. Modal dibenarkan berjumlah RM5.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.79 juta.

3.1.2. Aktiviti perniagaan utama Syarikat adalah sebagai pemaju projek dan perunding harta tanah bagi Perbadanan. Aktiviti semasa yang dijalankan adalah penyewaan kedai dan lot ruang niaga milik Syarikat. Syarikat mempunyai 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Seorang Ahli Lembaga Pengarah mewakili Perbadanan manakala seorang lagi mewakili MPK. Secara umumnya, pengurusan Syarikat dilaksanakan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan aktiviti Syarikat diketuai oleh seorang Eksekutif Akaun Dan Pentadbiran dan dibantu seorang Kerani Akaun Dan Pentadbiran, manakala jawatan Pengarah Urusan mengalami kekosongan sejak bulan Disember 2014.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2012 hingga 2014. Analisis kewangan bagi tempoh 3 tahun dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai Syarikat dan pemeriksaan fizikal aset serta peralatan turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan), Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis serta pegawai Perbadanan dan Syarikat telah diadakan pada 17 Ogos 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga April 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah baik. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, manakala keuntungan terkumpul pada tahun 2014 berjumlah RM1.14 juta. Pengurusan tadbir urus korporat adalah memuaskan manakala pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan syarikat yang perlu diperbaiki.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan Syarikat, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Hasil analisis kewangan adalah seperti berikut:


3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Maklumat kewangan Syarikat, pendapatan, perbelanjaan, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul Syarikat bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Maklumat Kewangan Syarikat
Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	0.22	0.27	0.28
Kos Jualan	-0.03	-0.04	-0.04
Untung Kasar	0.19	0.23	0.24
Lain-lain Pendapatan Operasi	0.06	0.07	0.06
Perbelanjaan Pentadbiran	-0.14	-0.16	-0.17
Lain-lain Perbelanjaan Operasi	-0.03	-0.04	-0.04
Keuntungan Daripada Operasi	0.08	0.10	0.09
Kos Kewangan	0.00	0.00	-0.01
Keuntungan Sebelum Cukai	0.08	0.10	0.08
Cukai	-0.02	-0.03	-0.02
Keuntungan Selepas Cukai	0.06	0.07	0.06
Pembayaran Dividen	0.00	-0.02	-0.03
Keuntungan Terkumpul	1.06	1.11	1.14

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat



Sumber: Rekod Kewangan Syarikat

Sumber: Rekod Kewangan Syarikat

- b. Keuntungan Sebelum Cukai Syarikat meningkat sejumlah RM0.02 juta atau 25.0% daripada RM0.08 juta pada tahun 2012 kepada RM0.10 juta pada tahun 2013 dan kembali menurun RM0.02 juta atau 20.0% kepada RM0.08 juta pada tahun 2014.
- c. Keuntungan Terkumpul Syarikat meningkat selama 3 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM0.05 juta atau 4.7% daripada RM1.06 juta pada tahun 2012 kepada RM1.11 juta pada tahun 2013 dan seterusnya RM0.03 juta atau 2.7% kepada RM1.14 juta pada tahun 2014. Peningkatan pendapatan berikut semakan semula kadar sewa lot ruang niaga Market Baru Padang Besar (U), Perlis (Market Baru) pada tahun 2013 dan 2014 serta lot kedai/pejabat di Taman Seri Firdaus, Kangar yang mula disewakan pada tahun 2013.
- d. Pendapatan utama Syarikat diperolehi daripada sewaan lot ruang niaga Market Baru, lot kedai/pejabat 2 tingkat di Gapura Square, Padang Besar (U) dan lot kedai/ pejabat di Taman Seri Firdaus, Kangar yang berjumlah RM0.22 juta, RM0.27 juta dan RM0.28 juta masing-masing pada tahun 2012, 2013 dan 2014. Analisis Audit mendapati Syarikat mencatatkan peningkatan pendapatan berjumlah RM0.05 juta atau 22.7% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 manakala RM0.01 juta atau 3.7% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013.
- e. Perbelanjaan Syarikat yang terdiri daripada kos jualan, kos pentadbiran dan kos operasi meningkat sejumlah RM0.04 juta atau 20.0% daripada RM0.20 juta pada tahun 2012 kepada RM0.24 juta pada tahun 2013 dan sejumlah RM0.02 juta atau 8.3% kepada RM0.26 juta pada tahun 2014. Pembayaran insentif/bonus, kenaikan gaji kakitangan dan kenaikan elauan mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan Syarikat.

3.4.1.2. Analisis Aliran Tunai

- a. Penyata Aliran Tunai memberi maklumat berkenaan keupayaan Syarikat menjana tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaannya. Analisis Aliran Tunai dibuat bertujuan mengukur kedudukan kecairan tunai dan keupayaan sesebuah syarikat menampung operasi bagi sesuatu tempoh, selain menilai keupayaan dan daya maju sesebuah syarikat. Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati sumber terimaan wang tunai dan penggunaannya adalah seperti **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Aliran Tunai Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Aliran Tunai Masuk/Keluar Daripada Aktiviti Operasi	-0.03	0.12	-0.06
Aliran Tunai Masuk/Keluar Daripada Aktiviti Pelaburan	0.05	-0.41	0.05
Aliran Tunai Masuk/Keluar Daripada Aktiviti Kewangan	0.00	-0.02	-0.03
Peningkatan/Pengurangan Bersih Tunai Dan Setara Tunai	0.02	-0.31	-0.04
Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	1.90	1.92	1.61
Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	1.92	1.61	1.57

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014, kedudukan tunai dan setara tunai Syarikat pada akhir tahun adalah positif dan berjumlah RM1.92 juta, RM1.61 juta dan RM1.57 juta. Pegangan tunai pada akhir tahun 2013 menunjukkan penurunan sejumlah RM0.31 juta atau 16.1% berbanding tahun 2012, manakala pada akhir tahun 2014 juga menunjukkan penurunan RM0.04 juta atau 2.5% berbanding tahun 2013. Faktor penurunan baki tunai pada akhir tahun 2013 disebabkan pembelian satu unit kedai/pejabat 2 tingkat di Taman Seri Firdaus, Kangar bernilai RM0.46 juta dan pembayaran dividen kepada pemegang saham berjumlah RM0.02 juta. Bagi tahun 2014, penurunan baki tunai disebabkan pembayaran kepada pembekal dan pemberian dividen kepada pemegang saham berjumlah RM0.03 juta.
- c. Analisis aliran tunai Syarikat daripada Aktiviti Operasi menyaksikan aliran tunai keluar pada tahun 2012 dan 2014 berjumlah RM0.03 juta dan RM0.06 juta manakala pada tahun 2013 menunjukkan aliran tunai masuk berjumlah RM0.12 juta. Faktor utama aliran tunai keluar pada tahun 2012 dan 2014 disebabkan pembayaran hutang kepada pembekal dan pemegang saham.
- d. Penggunaan tunai bagi Aktiviti Pelaburan menunjukkan aliran tunai masuk pada tahun 2012 dan 2014 masing-masing berjumlah RM0.05 juta disebabkan penerimaan keuntungan atas simpanan tetap manakala pada tahun 2013 menunjukkan aliran keluar tunai berjumlah RM0.41 juta bertujuan membiayai kos pembelian aset yang berjumlah RM0.46 juta.

- e. Aktiviti Kewangan menyaksikan aliran tunai keluar pada tahun 2013 dan 2014 disebabkan pembayaran dividen kepada pemegang saham berjumlah RM0.02 juta dan RM0.03 juta. Tiada pembayaran dividen kepada pemegang saham pada tahun 2012.

3.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, Analisis Nisbah Kewangan telah dijalankan melibatkan analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset dan Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan dalam penyata kewangan tahun 2012 hingga 2014. Hasil Analisis Nisbah Kewangan adalah seperti **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Analisis Nisbah Kewangan Syarikat
Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012	2013	2014
Nisbah Semasa	60.84:1	10.56:1	13.13:1
Margin Keuntungan	21.9%	22.2%	16.2%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.02:1	0.02:1	0.01:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.06:1	0.07:1	0.05:1

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat membayar hutang jangka pendek. Secara umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan syarikat. Kedudukan nisbah antara aset dengan liabiliti semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kecairan yang tinggi. Analisis Audit mendapati kadar kecairan Syarikat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah sangat baik dengan kadar nisbah di antara 10.56:1 hingga 60.84:1 yang menunjukkan Syarikat mempunyai kemampuan yang tinggi untuk menukar segera aset semasa kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendeknya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, Syarikat memperoleh kenaikan margin keuntungan iaitu dari 21.9 sen pada tahun 2012 kepada 22.2 sen pada tahun 2013 bagi setiap ringgit hasil pendapatannya. Bagaimanapun, pada tahun 2014, margin keuntungan Syarikat mengalami penurunan kepada 16.2 sen berbanding tahun 2013 disebabkan peningkatan kos jualan, kos pentadbiran, kos operasi dan

kos kewangan yang berjumlah RM0.02 juta atau 8.3%. Peningkatan margin keuntungan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 disebabkan peningkatan pendapatan sejumlah RM0.06 juta atau 21.4% hasil daripada kenaikan kadar sewaan Market Baru sebanyak RM150 bagi setiap lot ruang niaga. Bagaimanapun, bagi tempoh yang sama, berlaku peningkatan kos jualan, kos pentadbiran dan lain-lain kos operasi berjumlah RM0.04 juta atau 20.0%.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus asetnya. Hasil perkiraan Audit mendapati bagi tahun kewangan 2012 dan 2013, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset yang diperoleh Syarikat berjumlah 2 sen manakala pada tahun 2014 berjumlah 1 sen. Ini menunjukkan Syarikat kurang cekap dalam penggunaan asetnya untuk menjana keuntungan.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus modalnya. Perkiraan Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti selepas cukai Syarikat pada tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah 0.06, 0.07 dan 0.05 yang memberi pulangan kepada pemegang saham berjumlah 6 sen pada tahun 2012, 7 sen pada tahun 2013 dan 5 sen pada tahun 2014. Keadaan ini menunjukkan tahap kecekapan untuk menguruskan modal syarikat meningkat pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 dan kembali menurun pada tahun 2014. Ekuiti Syarikat bagaimanapun meningkat kepada RM1.14 juta pada tahun 2014 berbanding modal berbayar RM0.79 juta. Nilai ekuiti Syarikat juga semakin meningkat iaitu kepada RM1.44 sesaham pada tahun 2014 berbanding RM1.41 sesaham pada tahun 2013 dan RM1.34 sesaham pada tahun 2012.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah baik.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Syarikat adalah penyewaan lot ruang niaga Market Baru Padang Besar (U) (Market Baru), kedai dan pejabat. Hasil sewaan ini menyumbang kepada pendapatan utama Syarikat. Jumlah kutipan sewa daripada lot ruang niaga Market Baru dan lot kedai/pejabat di Gapura Square dan Taman Sri Firdaus bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM0.22 juta, RM0.27 juta dan RM0.28 juta. Maklumat terperinci pendapatan sewaan ini adalah seperti **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Pendapatan Sewa Syarikat Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Pendapatan Sewaan	Tahun		
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Lot Ruang Niaga Market Baru Padang Besar (U)	0.19	0.24	0.24
2.	Lot Kedai/Pejabat - Gapura Square, Padang Besar (U)	0.03	0.03	0.03
3.	Lot Kedai/Pejabat - Taman Sri Firdaus, Kangar	-	-	0.01
Jumlah		0.22	0.27	0.28

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

3.4.2.1. Pengurusan Sewa Lot Ruang Niaga Market Baru

Market Baru Padang Besar (U) mula beroperasi pada bulan Mei 2005. Jumlah ruang niaga yang disewakan adalah sebanyak 73 lot iaitu termasuk 5 lot tambahan yang disediakan atas permintaan peniaga. Kadar sewaan untuk setiap satu lot ruang niaga di Market Baru mulai 1 Januari 2015 adalah di antara RM450 hingga RM800 sebulan mengikut lokasi. Market Baru adalah seperti **Gambar 3.1**.



Gambar 3.1
Market Baru Padang Besar (U), Perlis

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Market Baru, Padang Besar (U), Perlis

Tarikh: 1 April 2015

a. Pelantikan Pemungut Sewa Market Baru

Syarikat telah melantik seorang Pemungut Sewa sambilan, En. Abdul Rashid bin Abdul Razak pada tahun 2004 untuk mengutip sewa di Market Baru. Beliau merupakan kakitangan syarikat Perlis Property Sdn. Bhd. (anak syarikat Perbadanan) dan dibayar elaun pada kadar RM1,200 sebulan. Mengikut surat pelantikan, tugas mengutip sewa dan kerja-kerja pembersihan/penyenggaraan hendaklah dijalankan pada setiap hari dan pada waktu yang tidak menjelaskan tugas rasminya sebagai pekerja syarikat Perlis Property Sdn. Bhd.. Berikut adalah hasil penemuan Audit:

- i. Pelantikan En. Abdul Rashid bin Abdul Razak sebagai Pemungut Sewa dan pemberian elaun belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Surat pelantikan beliau ditandatangani oleh Eksekutif Akaun Dan Pentadbiran.

- ii. Jadual harian dan senarai kerja-kerja pembersihan/penyenggaraan yang perlu dijalankan tidak disediakan oleh Syarikat untuk tujuan pemantauan.
- iii. Tempoh masa bertugas dan jumlah jam bekerja harian tidak dinyatakan memandangkan Pemungut Sewa juga merupakan kakitangan syarikat Perlis Property Sdn. Bhd..

Dalam maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada bulan Julai 2015 telah memberi kelulusan kepada Eksekutif Akaun Dan Pentadbiran menandatangani surat pelantikan. Syarikat telah menyediakan Jadual Harian dan Senarai Tugas Pemungut Sewa dan akan memastikan kerja-kerja hakiki Pemungut Sewa tidak terganggu. Kerja-kerja pembersihan dicadang dilakukan pada waktu malam manakala tugas mengutip sewa dilakukan pada waktu rehat tengah hari atau selepas waktu kerja hakiki pegawai. Syarikat dalam proses menyediakan Garis Panduan dan Prosedur Kerja (SOP) bagi kerja-kerja pembersihan serta penyenggaraan.

b. Perjanjian Sewa Lot Ruang Niaga Market Baru

i. Perjanjian Sewa Tidak Disediakan

Perjanjian sewaan merupakan kontrak ikat janji antara pemilik harta dengan penyewa yang mengandungi terma dan syarat penyewaan bangunan/harta. Perjanjian tersebut hendaklah ditandatangani oleh Syarikat dan penyewa bagi menjaga kepentingan kedua pihak. Semakan Audit terhadap 73 fail penyewa ruang niaga Market Baru mendapati 70 daripadanya ada disediakan dengan Perjanjian Sewa manakala 3 penyewa lagi iaitu bagi Lot 71, 72 dan 73 tidak disediakan.

ii. Perjanjian Sewa Tamat Tempoh Tidak Diperbaharui

Semakan Audit mendapati 62 daripada 70 Perjanjian Sewa lot ruang niaga Market Baru yang telah tamat tempoh perjanjian pada tahun 2004 hingga 2014 tidak diperbaharui. Penyewa masih lagi menjalankan perniagaan.

iii. Perjanjian Sewa Tidak Dikenakan Duti Setem

- Seksyen 52(1), Akta Setem 1949 menyatakan tiada surat cara yang dikenakan duti boleh diterima sebagai keterangan untuk apa-apa tujuan oleh mana-mana orang yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang atau dengan persetujui pihak-pihak untuk menerima keterangan, atau untuk bertindak daripadanya, mendaftar, atau menentu sah oleh orang tersebut

atau mana-mana pegawai awam, melainkan surat cara itu telah disetemkan sewajarnya.

- Perjanjian sewa yang tidak dikenakan duti setem boleh mengundang risiko dan kesukaran dalam menuntut balik tunggakan sewa daripada penyewa selain menjurus kepada implikasi undang-undang terhadap mana-mana penyewa yang melanggar syarat perjanjian. Semakan Audit mendapati kesemua 70 Perjanjian Sewa lot ruang niaga Market Baru tidak dikenakan duti setem.

iv. Lot Ruang Niaga Market Baru Disewakan Semula Kepada Pihak Ketiga

- Mengikut Seksyen 8.2., Perjanjian Sewa, penyewa dikehendaki menjalankan sendiri perniagaan di lot ruang niaga dan tidak dibenarkan memberi sewa kepada pihak lain. Mengikut Seksyen 10.1., Syarikat berhak membatal dan menamatkan perjanjian sekiranya penyewa melanggar mana-mana syarat dalam perjanjian.
- Pemeriksaan Audit mendapati 56 atau 80% daripada 70 lot ruang niaga Market Baru telah disewakan oleh penyewa asal kepada pihak ketiga (warga Thailand).

Dalam maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada bulan Mac 2015 bersetuju supaya Perjanjian Sewa disediakan bagi kesemua 73 lot ruang niaga Market Baru, ditandatangani dan dikenakan duti setem. Berkenaan lot ruang niaga yang disewakan kepada pihak ketiga, tindakan sukar diambil disebabkan peniaga (warga Thailand) mempunyai Lesen Pembantu Kedai yang sah. Perbincangan bersama Majlis Perbandaran Kangar akan dibuat untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan ini.

3.4.2.2. Penjualan Tanah Lot PT 7261, Mukim Titi Tinggi, Padang Besar (U), Perlis

- a. Pada tahun 2014, Syarikat telah membuat keputusan untuk menjual tanah Lot PT 7261, Mukim Titi Tinggi, Padang Besar (U), Perlis setelah beberapa projek yang dicadangkan sebelum ini gagal dilaksanakan. Tanah tersebut dijual pada bulan Mac 2015 dengan harga RM0.60 juta berbanding RM0.65 juta yang dinilai oleh Jurunilai pada tahun 2014.
- b. Syarikat telah membuat perbelanjaan berjumlah RM0.50 juta membiayai projek-projek yang dibatalkan tersebut melibatkan sejumlah RM0.44 juta bagi kerja-kerja awal pembinaan dan RM0.06 juta untuk kos Juruperunding.

- c. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, Syarikat akan memastikan segala projek yang dirancang di masa hadapan akan melalui perancangan yang lebih teliti bagi mengelak berlakunya pembaziran masa, tenaga dan kos.**

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya pengurusan aktiviti Syarikat adalah kurang memuaskan.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi Syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia Tahun 2000 (Amalan Terbaik) yang dikemas kini pada tahun 2007. Kod ini menekankan beberapa prinsip dan amalan terbaik, antaranya penstrukturran, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah serta aspek akauntabiliti Syarikat. Semakan Audit terhadap Tadbir Urus Korporat Syarikat mendapati perkara berikut:

3.4.3.1. Rancangan Korporat

Mengikut Amalan Terbaik, Syarikat dikehendaki menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strategi bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Ia mengandungi visi, misi, nilai korporat, analisis persekitaran, petunjuk prestasi, inisiatif syarikat dan projek yang dirancang dan sedang dilaksanakan. Ianya hendaklah selaras dengan objektif penubuhan Syarikat dan perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Syarikat sentiasa membincangkan usaha untuk meningkatkan hasil pendapatan Syarikat.

3.4.3.2. Pelantikan Lembaga Pengarah

- a. Mengikut Amalan Terbaik, setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah diberi surat pelantikan yang menjelaskan fungsi serta tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh setiap Ahli agar setiap Ahli Lembaga Pengarah memberi perhatian secukupnya kepada tanggungjawab teras selain memberi tumpuan kepada perkara penting agar dapat berperanan dengan lebih aktif dan berkesan.
- b. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menyediakan secara khusus dan bertulis peranan serta mandat yang perlu dilaksanakan oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik menerusi Terma Rujukan Lembaga Pengarah Perbadanan dan Anak Syarikat Kumpulan. Terma Rujukan tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan yang diadakan pada bulan Mei 2014.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2012, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 2 kali, pada tahun 2013 sebanyak sekali manakala pada

tahun 2014 sebanyak 3 kali. Pada tahun 2015, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada 10 Mac 2015 dan 6 Julai 2015.

- d. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, Syarikat akan memastikan Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2015.**

3.4.3.3. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

- a. Garis Panduan dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat serta dijadikan asas rujukan kakitangan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati Syarikat ada menyediakan Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan (FATP) yang meliputi antaranya peraturan dan prosedur berhubung kewangan, perakaunan dan tender, SOP berhubung kutipan sewa dan juga peraturan berhubung kakitangan menerusi Buku Panduan Pekerja Anak Syarikat Kumpulan Perbadanan. FATP ini disediakan semasa penubuhan Syarikat dan tidak pernah disemak semula.
- c. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, semakan semula terhadap FATP Syarikat akan dibuat pada tahun 2015.**

3.4.3.4. Key Performance Indicator (KPI)

- a. Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan sekali. Semakan Audit mendapat, Syarikat tidak menyediakan KPI secara khusus. Sasaran Syarikat hanya disediakan menerusi bajet yang diluluskan pada setiap tahun serta cadangan dan perbincangan yang dibuat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat.
- b. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, Syarikat akan menyediakan KPI secara khusus mulai tahun 2015.**

3.4.3.5. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Semakan Audit mendapati Syarikat telah membuat pembayaran dividen kepada pemegang saham (Perbadanan dan MPK) pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM0.02 juta dan RM0.03 juta. Cadangan pembayaran dividen telah dibentang dan diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah Perbadanan dan Pihak Berkuasa Negeri.

3.4.3.6. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan Syarikat. Semakan Audit mendapati, Unit Audit Dalam Perbadanan telah diberi peranan untuk menjalankan pengauditan terhadap kesemua anak syarikat miliknya. Unit Audit Dalam Perbadanan telah menjalankan pengauditan kewangan terhadap Syarikat pada bulan Januari 2015 iaitu sehari sebelum pengauditan dijalankan oleh Jabatan Audit Negara.

3.4.3.7. Pengurusan Kewangan

Semakan dan pemeriksaan Audit mendapati antara aspek kawalan pengurusan kewangan Syarikat yang tidak dipatuhi adalah seperti berikut:

- a. Tiada penurunan kuasa secara bertulis dikeluarkan kepada pegawai Syarikat yang bertanggungjawab menerima wang.
- b. Kutipan sewa secara tunai oleh Pemungut Sewa serta terimaan tunai dan cek oleh Syarikat lewat dimasukkan ke dalam bank dan 14 transaksi kemasukan wang kutipan sewa berjumlah RM28,230 ke dalam bank Syarikat pada tahun 2014 telah dibuat secara pindahan wang (*transfer to account*) daripada akaun bank peribadi pegawai.
- c. Resit Rasmi tidak dikeluarkan semasa wang sewaan diterima daripada penyewa.
- d. Tunggakan sewa lot ruang niaga Market Baru sehingga 31 Mac 2015 berjumlah RM25,450 yang melibatkan 21 penyewa.
- e. Kutipan sewa bagi Lot 71, 72 dan 73 dengan sewa bulanan masing-masing pada kadar RM260, RM220 dan RM190 sebulan tidak diakaunkan atas alasan ia adalah lot tambahan. Lot tersebut mula disewakan pada tahun 2003 dan 2004. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014, jumlah kutipan sewa yang tidak diakaunkan ini berjumlah RM41,450. Wang kutipan sewa ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan harian Syarikat seperti kos penyenggaraan dan perbelanjaan runcit yang dibayar secara tunai.
- f. 39 Baucar Bayaran berjumlah RM85,332 tidak diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan pembayaran Bantuan Persekolahan dan Duit Raya tahun 2012 dan 2013 telah terlebih dibayar berjumlah RM7,400 serta tidak diakaunkan dalam penyata kewangan Syarikat.
- g. Syarikat tidak menetapkan sebarang polisi berhubung faedah dan kelayakan perubatan kakitangan serta pemberian derma/sumbangan. Didapati derma/sumbangan yang dibayar menerusi wang kutipan sewa lot tambahan bagi

tahun 2012, 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM400, RM792 dan RM1,525 tidak diakaunkan dalam penyata kewangan Syarikat.

- h. Daftar Aset tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini manakala pemeriksaan fizikal aset tidak pernah dijalankan.
- i. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Julai 2015, Syarikat telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:**
 - i. Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada bulan Julai 2015 telah memberi kuasa kepada Eksekutif Akaun Dan Pentadbiran sebagai pegawai yang bertanggungjawab menerima wang Syarikat.
 - ii. Semua kutipan tunai dan cek akan dimasukkan ke dalam bank dengan segera manakala Resit Rasmi Sementara akan dikeluarkan kepada penyewa mulai bulan Ogos 2015.
 - iii. Surat peringatan akan dikeluarkan kepada penyewa yang mempunyai tunggakan sewa melebihi 2 bulan. Surat penamatan sewa akan dikeluarkan sekiranya penyewa gagal menjelaskan tunggakan dalam tempoh ditetapkan dan lot ruang niaga akan disita.
 - iv. Lembaga Pengarah Syarikat bersetuju supaya kutipan sewa bagi 3 lot ruang niaga tambahan Market Baru diakaunkan mulai bulan Mac 2015. Kutipan sewa sebelum bulan Mac 2015, kekal sebagai wang panjar.
 - v. Syarikat akan membentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang berhubung penetapan Polisi Faedah Dan Kelayakan Perubatan Kakitangan serta pemberian derma/sumbangan.
 - vi. Daftar Aset akan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Aset Syarikat seperti komputer dan penyaman udara telah ditanda "Hak Milik Bakau Jaya Development Sdn. Bhd." manakala nombor siri pendaftaran telah ditandakan dengan dakwat kekal. Pemeriksaan fizikal aset akan dijalankan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat adalah memuaskan manakala pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi Syarikat, pengurusan Bakau Jaya Development Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Mewujudkan Rancangan Korporat yang komprehensif merangkumi pelaksanaan projek jangka pendek dan jangka panjang agar Syarikat dapat menetapkan hala tuju yang jelas.

3.5.2. Memperkemaskan aspek kawalan dalaman pengurusan kewangan Syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
6 Oktober 2015



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA